



نَسْرَةٌ



# NASHRAH



MAJLIS PENYERAHAN DERMA UNTUK TABUNG KEMANUSIAAN PALESTIN 2021M



MAJLIS PENANDATANGANAN  
MEMORANDUM PERSEFAHAMAN  
(MoU) ANTARA KOLEJ UNIVERSITI  
PERGURUAN UGAMA SERI  
BEGAWAN DAN YAYASAN SULTAN  
HAJI HASSANAL BOLKIAH

# **Sidang Redaksi**

## **RA'ES**

Dr Haji Adanan bin Haji Basar

## **PEMANGKU TIMBALAN RA'ES**

Dr Haji Abang Hadzmin bin Haji Abang Taha

## **PEMANGKU PENOLONG RA'ES / PENASIHAT**

Datin Dr Hajah Noor Hira binti Haji Noor Kaseh

## **PEMANGKU PENDAFTAR**

Adi Rani Soffian bin Abdul Rahman

## **EDITOR PENYELARAS**

Nurul Atteyia Bahtriyah binti Md Salleh  
Pengarah Pejabat Antarabangsa  
dan Perhubungan Awam

## **PEMASARAN**

Pengiran Timbang bin Pengiran Haji Serudin  
Shamran bin Haji Mohd Said  
Hajah Mina binti Haji Mail  
Tirahmad binti Abdullah Sani

## **EDITOR**

Erna binti Omar

## **SUMBER BERITA DAN FOTOGRAFI**

Fakulti / Pusat / Bahagian KUPU SB  
Pelita Brunei  
Media Permata  
Borneo Buletin

## **PENYEMAK**

Hajah Razidah binti Haji Jamaluddin  
Hajah Rakiah binti Tuah

## **DICETAK OLEH**

Brunei Press Sdn. Bhd

## **ATUR HURUF DAN REKABENTUK**

Azari bin Haji Mat Zahari

## **PENYELETAS PENERBITAN MAJALAH**

Nor Ara binti Abd Rahman  
Muhammad Hadi Asrul bin Haji Othman  
Pengiran Haji Shahriman bin Pengiran Haji Basar

© Hak Cipta Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Brunei Darussalam. Semua Hak Terpelihara. Tulisan-tulisan yang dimuatkan tidak semestinya menggambarkan pendapat dan pandangan KUPU SB. Artikel-artikel ini tidak boleh dipetik atau disiarkan semula tanpa kebenaran bertulis daripada Yang Mulia Ra'es KUPU SB dan penulis berkenaan. ©Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), 2022M.

Nota : Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum dan terima kasih.

## Tinta Sidang Editor



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**S**alam Sejahtera diucapkan kepada para pembaca. Semoga hari ini lebih baik dari hari semalam.

Seperti yang sedia maklum, Negara Brunei Darussalam telah dilanda gelombang ke-2 Covid-19 pada bulan Ogos yang lalu. Impak gelombang kedua telah menjaskankan pelaksanaan program harian berbanding dengan pertama kali negara kita dilanda penularan wabak tersebut terutama segala program yang melibatkan aktiviti atau perhimpunan secara fizikal. Namun ia bukanlah satu penghalang bagi Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan untuk terus berkongsi ilmu dan menyebarkan informasi kepada masyarakat dan warga KUPU SB khususnya.

Majoriti aktiviti dan program ilmiah terus dilaksanakan secara dalam talian sebagai platform dalam penyebaran ilmu.

Keluaran kali ini memaparkan usaha-usaha Kolej ini dalam mendukung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terutama dalam penyebaran ilmu dan dakwah.

Semoga perkongsian keluaran kali ini akan dapat menambah pengetahuan dan mencetus idea-idea baharu yang inovatif menjurus ke arah produktiviti kolej ini dalam penyebaran ilmu yang holistik.

Akhir kalam, semoga bertemu lagi dikeluaran akan datang. Ilmu yang baik adalah anugerah Allah Subhanahu Wata'ala.

يُؤْتِي الْحِكْمَةَ مَن يَشَاءُ

Tafsirnya :

Allah mengurniakan hikmah kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya.

Surah al-Baqarah : 269

Salam Hormat

Erna Omar



# Kandungan

Persidangan Antarabangsa Pendidikan Fiqh al-Zakat	5	Memorandum Persefahaman (MoU) antara KUPU SB dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah	18
Mu'tamar Antarabangsa Fiqh al-Usrah	7	Program Munajat	19
Majlis Persidangan Antarabangsa Pemikiran Islam Ke-2	9	Webinar Kebangsaan 65 Tahun Pendidikan Ugama Formal Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Guru 2021M	20
Program Akademi Kepimpinan Melayu Islam Beraja, Siri I	10	Webinar Pendidikan Sirah Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam	23
Ihya ‘Eid Al-Adha Majlis Ibadah Korban	12	Bengkel Reciprocal Borrowing Scheme	25
Pertandingan Tazkirah dan Persembahan Pentas Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-75 Tahun	13	Mudawalah Ilmiah	26
Acara Varsity Run/Varsity Cycle Bersempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-75 Tahun	14	Bengkel Kongsisama Fasilitator Pengukuhan Maqasid Syariah	27
Jerayawara Menghalusi Solat Mazhab Syafi’i bagi Guru-Guru Sekolah Rendah, Menengah dan Pusat Tingkatan Enam Seluruh Negara	16	Program Tadabur al-Quran wal Hadith dan Kitab Turath	28
		Taklimat Khas Menjurus Kepada Penerapan Iman dan Amanah	28
		Jaulah Fiqh al-Usrah	29

## PERSIDANGAN ANTARABANGSA PENDIDIKAN FIQH AL-ZAKAT

Persidangan Antarabangsa Pendidikan Fiqh al-Zakat anjuran bersama Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Jabatan Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah diadakan pada 23 dan 25 Syawal 1442H bersamaan 5 dan 7 Jun 2021M bertempat di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Persidangan ini merupakan salah satu pengisian dalam ‘Brunei Mid-Year Conference and Exhibition (MYCE) 2021’.

Hadir selaku tetamu kehormat dalam majlis perasmian persidangan itu ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Tema bagi persidangan ini ialah 'Memperkasa Sosioekonomi Umat Islam Melalui Zakat', dan antara objektif persidangan diadakan ialah untuk memperkasakan dan memartabatkan kedudukan zakat di peringkat tempatan, negara dan global dengan mengenal pasti isu-isu berkaitan zakat secara teori dan praktikal.

Antara subtema persidangan tersebut ialah mengenai Fiqh al-Zakat : Konsep, Falsafah dan Pemikiran serta kaitannya dengan ekonomi, perspektif al-Quran dan as-Sunnah tentang



Antara para jemputan lelaki yang hadir di persidangan tersebut.

Sumber foto: Pelita Brunei



Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama (dua dari kanan), Yang Mulia Ra'es KUPU SB (kanan) semasa hadir di Persidangan Pendidikan Fiqh al-Zakat Antarabangsa.

Sumber foto: Pelita Brunei

zakat dan wakaf, peranan institusi zakat dalam pembangunan ekonomi Islam dan ummah, isu-isu kontemporari dan cabaran institusi zakat pada masa sekarang, pentadbiran dan pengurusan institusi zakat dan amalan-amalan terbaik pengurusan zakat.

Sebanyak tiga Kertas Perdana, empat Kertas Utama dan lebih daripada 10 Kertas Kerja telah dibentangkan dalam persidangan tersebut. Pembentang-pembentang Kertas Perdana terdiri daripada Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar, dengan tajuk ‘Memperkasa Sosioekonomi Umat Islam Melalui Zakat’, Mufti Wilayah Persekutuan Malaysia, Yang Berbahagia Sahibus Samahah Datuk Dr Luqman bin Abdullah, dengan tajuk ‘Memperkasa Sosioekonomi Umat Islam Melalui Zakat : Isu dan Cabaran Kontemporari’ dan Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Metussin bin Haji Baki dengan tajuk pembentangan ‘Memperkasa Pengelolaan dan Pengurusan Zakat Dalam Memajukan Sosioekonomi Umat Islam: Cabaran dan Harapan’.

Bagi sesi pembentangan Kertas Utama pula, para pembentang terdiri daripada Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam, Yang Mulia Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop; Yang Mulia Penolong Profesor Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Yang Mulia Dr Hajah Mas Nooraini binti Haji Mohiddin dan Timbalan Mufti Selangor Malaysia, Yang Berbahagia Sahibus Samahah Dato' Dr Haji Anhar bin Haji Opir.

Pembentang Kertas Kerja juga terdiri daripada para akademik daripada KUPU SB, UNISSA, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Islam Malang (UNISMA) dan Prince of Songkla, Thailand.

Majlis penutup Persidangan Antarabangsa Pendidikan Fiqh al-Zakat diadakan pada 7 Jun 2021M di sebelah petang bertempat di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis penutup ialah Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah oleh Yang Mulia Ustaz Mohamed Noor bin Haji Ibrahim, Pegawai Pelajaran, Pusat Ilmu Teras KUPU SB. Majlis diselajurkan dengan bacaan Asmaul Husna dan Nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam beramai-ramai.

Yang Mulia Ustaz Haji Hamzah bin Haji Sabtu, Pengurus Bersama PAPFIZ 2021 dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan bahawa penganjuran persidangan tersebut bertujuan untuk menonjolkan lagi keindahan serta kecemerlangan fungsi zakat yang sebenarnya. Ia merupakan wadah perkongsian serta pelestarian ilmu berdasarkan kajian dan penyelidikan, sekaligus usaha yang dilaksanakan dilihat sebagai mekanisme terbaik untuk memperkasakan lagi fungsi

profesionalisme institusi zakat mahupun institusi pendidikan dalam memantapkan penggunaan dan penerokaan atau penemuan baharu dalam bidang berkaitan dengan hal ehwal zakat.

Majlis diteruskan dengan pembentangan Kertas Perdana III oleh Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Metussin bin Haji Baki, dengan tajuk ‘Memperkasa Pengelolaan dan Pengurusan Zakat Dalam Memajukan Sosio-ekonomi Umat Islam : Cabaran dan Harapan’.

Pembacaan Resolusi PAPFIZ 2021 oleh Ketua Rapporteur, Yang Mulia Pengiran Dr Hajah Norwidayawati binti Pengiran Haji Metusin, Timbalan Dekan Fakulti Syariah, KUPU SB. Acara diakhiri dengan bacaan Doa Penutup oleh Yang Mulia Awang Azman bin Haji Kassim, Penolong Pensyarah Fakulti Syariah, KUPU SB.



Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim ketika menyampaikan cenderahati kepada Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Metussin bin Haji Baki.

Sumber teks dan foto: Pelita Brunei

## MU'TAMAR ANTARABANGSA FIQH AL-USRAH

**M**u'tamar Antarabangsa Fiqh al-Usrah (MUAFIQ) telah diadakan pada hari Rabu, 9 Jun 2021M bertempat di Dewan Tarbiah, KUPU SB. Mu'tamar ini diadakan sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2021.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan MUAFIQ 2021, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Fatiyah dan bacaan Asmaul Husna beramai-ramai, dan diteruskan dengan Nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Pengarah Pusat Kajian Fiqh al-Usrah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) Yang Mulia Awang Hilman bin Haji Salim selaku Pengerusi Mu'tamar Antarabangsa Fiqh al-Usrah (MUAFIQ) 2021 menyatakan beberapa perkara dalam ucapan alu-aluannya di Majlis Perasmian tersebut,

“Dalam mencalak generasi hadapan, pendidikan kekeluargaan perlu mendominasi pembentukan sahsiah anak-anak yang akan menentukan kekuuhan serta keharmonian sesebuah bangsa dan masyarakat.

Antara peranan utama institusi keluarga ialah melahirkan generasi yang berdisiplin, bertanggungjawab dan dapat mendepani serta mengatasi pelbagai isu sosial masa kini”.

Menyentuh mengenai Mu'tamar tersebut, Yang Mulia Awang Hilman menjelaskan, ianya diadakan bagi memperkasa pendidikan kekeluargaan dan mengenal pasti isu-isu serta cabaran dalam kehidupan berkeluarga.

Melalui Mu'tamar tersebut tambahnya, diharapkan dapat mencapai penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang kepada masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat dewasa ini ke arah kehidupan berkeluarga



Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (kiri) hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya merasmikan Mu'tamar Antarabangsa Fiqh al-Usrah (MUAFIQ) 2021.

yang penuh harmoni sebagaimana konsep keluarga yang disebut di dalam al-Quran iaitu keluarga Sakinah, Mawaddah dan Rahmah.

Pada majlis tersebut, Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar juga turut membentangkan Kertas Perdana yang membawakan tajuk, ‘Keluarga Sakinah Mawaddah Warahmah’.

Sementara itu, Kertas Utama I bertajuk ‘Keluarga Bangkit Dalam Mendepani Cabaran Semasa’ yang disampaikan oleh Yang Mulia Profesor Dr Haji Duski Samad, dari Universitas Islam Negeri (UIN) Imam Bonjol Padang, Republik Indonesia, yang membincangkan bahawa keluarga adalah satu unit kepimpinan kecil, dan suami setentunya sebagai pemimpinnya.



Yang Behormat Ketua Hakim Syarie membentangkan Kertas Perdana.

Sumber foto: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



Para jemputan yang hadir di Majlis Mu'tamar Antarabangsa Fiqh al-Usrah

Sumber foto: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Manakala, dalam pembentangan Kertas Utama II bertajuk ‘Sakina-Sharia House Theory’ yang disampaikan oleh Yang Mulia Profesor Dr Siti Aishah Hassan dari Department of Counselor Education and Counseling Psychology, Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia, antara lain menjelaskan bahawa untuk menjadi ibu yang terbaik untuk keluarga, kewibawaan dan karakter ibu berbentuk modal rohani sangat memberi kesan kepada kesejahteraan, psikologi, ekonomi, fizikal, interaksi dan ianya saling berkait dalam dirinya dan keluarga.

MUAFIQ 2021 juga dilanjutkan dengan pembentangan lima kertas kerja selari yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pengkajian Jawi & Kitab Turath, KUPU SB, Yang Mulia Dr Haji Harapandi Dahri; Pemangku Pegawai Pembangunan Masyarakat, Bahagian Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dayang Siti Alifah binti Awang Osman; Yang Mulia Awang Ikram bin Nokman, Yang Mulia 1070 Kapten Noria Fatriah binti

Haji Abd. Mutualif, Yang Mulia 1262 Leftenan Siti Nur Hazwani binti Ismail dari JAMA'AT, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB); Yang Mulia Pengiran Hajah Norhayati binti Pengiran Haji Kasharan dari Pusat Dakwah Islamiah (PDI) dan penceramah dari Al-Minhaaj Centre.

Tajuk-tajuk kertas kerja yang dibentangkan termasuk ‘Konsep Keluarga Sakinah Menurut Imam Al-Ghazali’; ‘Peranan dan Pengalaman JAPEM dalam menangani Isu Kekeluargaan’; ‘Membangkit Kesejahteraan Keluarga Di ABDB’; ‘Makarimul Insan : Pengalaman Pusat Da’wah Islamiah Mendekati Rakan-Rakan’ dan ‘Peranan Al-Minhaaj Centre Dalam Memperkasa Institusi Keluarga di Negara Brunei Darussalam: Pengalaman dan Cabaran’.

## MAJLIS PERSIDANGAN ANTARABANGSA PEMIKIRAN ISLAM KE-2

**P**ada 21 Zulkaedah 1442H bersamaan 7 Julai 2021M, Majlis Persidangan Antarabangsa Pemikiran Islam Ke-2 telah diadakan secara maya, dengan tema ‘Peranan Institusi Dalam Mendepani Kesejahteraan dan Keamanan Serantau Semasa Pandemik COVID-19’.

Persidangan anjuran bersama Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Wal Jama'aah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Perpustakaan Tunku Tun Aminah Johor, Majlis Agama Islam Negeri Johor, Jabatan Agama Islam Negeri Johor dan Jabatan Mufti Negeri Johor itu berlangsung di Dewan Tarbiah KUPU SB.

Perasmian persidangan itu telah disempurnakan oleh Ra'es KUPU SB, Yang Mulia Dr Haji Adanan bin Haji Basar selaku tetamu kehormat majlis.

Persidangan bermatlamat untuk memberi ruang kepada para peserta membincangkan peranan institusi keluarga Ahli Sunnah Wal Jama'aah dalam mendepani keamanan dan kesejahteraan di peringkat serantau selain meningkatkan budaya kerjasama melalui perkongisan maklumat dan kepakaran dalam bidang masing-masing dalam kalangan pembentang kertas kerja dan para peserta.

Dalam pada itu, persidangan juga diharapkan dapat mewujudkan jaringan kepakaran antara ahli-ahli akademik dan profesional dalam pelbagai disiplin dalam kerangka pemikiran Ahli Sunnah Wal Jama'aah sama ada peringkat dalam dan luar negara.

Antara subtema persidangan merangkumi empat perkara iaitu perbincangan isu akidah atau ancaman dan penyelewengan pemikiran semasa, syariah dan undang-undang keluarga, dakwah dan peranan institusi, ekonomi dan kewangan Islam serta inovasi Islam.

Ucaptama mengenai tema persidangan telah disampaikan oleh Ra'es KUPU SB, Yang Mulia Dr Haji Adanan bin Haji Basar yang antara lain membincangkan prinsip akidah dalam sebarang musibah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'aah.

Beliau turut berkongsi pengalaman dan tindakan Brunei sebaik saja jangkitan COVID-19 dikesan di negara ini.

Persidangan itu turut mendengarkan ucaptama pertama oleh Mufti Negeri Johor, Sahibus Samahah Yang Berhormat Dato' Haji Yahya bin Haji Ahmad dengan tajuk ‘Peranan Institusi Agama Dalam Memelihara Manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah di Johor Semasa Pandemik COVID-19’.

Ketua Hakim Syarie Negeri Johor Jabatan Kehakiman dan Syariah, Yang Amat Arif Tuan Haji Muhammad Khaldun bin Mohamad Sharif pula menyampaikan tajuk ‘Impak Institusi keluarga Muslim Semasa COVID-19’. Manakala, Pengarah Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah, UTHM, Yang Berbahagia Encik Mustaphayuddin bin Abdul Khalim pula menyampaikan ucaptama keempat bertajuk ‘Peranan Institusi Pendidikan Dalam Memperkasa Manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah Semasa Pandemik COVID-19’.

## PROGRAM AKADEMI KEPIMPINAN MELAYU ISLAM BERAJA, SIRI I



Sesi bergambar ramai bagi peserta Program Akademi Kepimpinan Melayu Islam Beraja bersama tetamu kehormat dan para jemputan.

**P**rogram Akademi Kepimpinan Melayu Islam Beraja (MIB) 2021M / 2022M merupakan program anjuran bersama Persatuan Pelajar Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Program tersebut diadakan selama lima hari, mulai 7 hingga 11 Julai 2021M.

Majlis Apresiasi bagi peserta Program Akademi Kepimpinan MIB tersebut diadakan di Dewan Silaturahim, Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Hadir selaku tetamu kehormat dalam Majlis tersebut, Pemangku Timbalan Ra'es KUPU SB, Yang Mulia Dr Haji Abang Hadzmin bin Haji Abang Taha.

Antara pengisian aktiviti program tersebut ialah taklimat / bengkel, kerja berpasukan, kerohanian, pengucapan umum dan khidmat masyarakat.

Bertemakan 'Pemimpin Bertakwa Persatuan Berkat', objektif program ini adalah bagi melahirkan pemimpin yang bertakwa, profesional dan bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas juga tanggungjawab yang diamanahkan.

Ia juga untuk mengemaskin lagi pengurusan aktiviti dan program pelajar, sama ada yang diadakan dalam dan luar kampus KUPU SB juga menerapkan dan meningkatkan kerja

berpasukan dalam merancang, menyusun, melaksanakan juga membuat laporan aktiviti dan program dengan lebih sempurna, teratur dan bersistematis. Program ini juga memberikan mereka latihan dan kemahiran yang cukup untuk melengkapkan diri mereka dalam menempuh apa jua cabaran yang akan dihadapi dari semasa ke semasa.

Seramai 36 peserta daripada kalangan mahasiswa dan 20 pegawai dan kakitangan dari Bahagian Hal Ehwal Pelajar KUPU SB terpilih menyertai program tersebut.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah beramai-ramai, diketuai oleh peserta Program Akademi Kepimpinan MIB, KUPU SB, Yang Mulia Awang Muhammad Aqil Arfan bin Arjune dan diselajurkan dengan bacaan Zikir Asmaul Husna juga Nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam secara beramai-ramai.

Pengerusi Program, Dekan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar KUPU SB, Yang Mulia Awang Ali Hardi bin Haji Mohamed, dalam ucapannya menjelaskan, bahawa Program ini adalah untuk merealisasi visi dan misi KUPU SB, melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar dalam mengambil inisiatif untuk mengadakan Program Akademi Kepimpinan bagi pelajar-pelajar baharu, bertujuan untuk membina pengetahuan,



khususnya dalam kepimpinan, disiplin dan ketahanan diri dalam usaha meningkatkan semangat kerja berpasukan juga keyakinan diri melalui sikap yang positif dan kecekalan hati.

Dengan adanya program ini, ia akan dapat melahirkan pemimpin yang bertakwa, profesional dan bertanggungjawab serta dapat meningkatkan nilai kerja berpasukan mengikut tema 'Pemimpin Bertakwa Persatuan Berkat'.

Program ini menjurus kepada kepimpinan diri dan berkepimpinan secara berkumpulan. Kewajipan sebagai seorang pemimpin pastinya mengandungi cabaran yang harus dihadapi dan tanggungjawab yang perlu dipikul, serta dilaksanakan dengan amanah dan hikmah.

Namun, selaku mahasiswa, hendaklah berusaha mengimbangi di antara tanggungjawab akademik, kurikulum dan sahsiah.

Dalam memimpin kumpulan pula, hendaklah sentiasa mengutamakan maslahat atau kebajikan kumpulan daripada maslahat peribadi, bahawa apabila maslahat berkumpulan terjaga, maka maslahat peribadi juga akan turut terjaga, akan tetapi jika maslahat peribadi yang didahulukan belum tentu maslahat berkumpulan akan terjaga, bahkan maslahat peribadi itu sendiri pun (jika ia tercapai) tidak akan bersifat kekal lama, jelas tetamu kehormat.

Sementara itu, wakil peserta Program Akademi Kepimpinan MIB, Yang Mulia Awang Abdul Hadi Nasrullah bin Muhammad Ashraf

@Eddy Asrul bin Asut, menjelaskan, banyak pengalaman yang diperoleh dan segala aktiviti yang diikuti sepanjang program akan dapat membentuk ciri-ciri kepimpinan dan kerja berpasukan.

Segala pengalaman ini, jelas beliau, akan dimanfaatkan dalam menghadapi cabaran hidup, terutama sekali di dalam dunia pekerjaan, tambahan lagi, sebagai bakal guru-guru ugama, pendakwah juga peneraju agama Islam, sepatutnya mempunyai nilai-nilai kepimpinan yang berkualiti selaras dengan ajaran Islam dan berkesan.

Acara diakhiri dengan penyampaian sijil kepada para peserta, fasilitator dan cenderamata kepada wakil daripada Pusat Belia, Bandar Seri Begawan, Yang Mulia Awang Haji Ramli bin Haji Kurus daripada tetamu kehormat majlis. Majlis diberkati dengan bacaan Doa Penutup oleh Penolong Ketua Exco Keugamaan dan Ta'mir Surau Majlis Perwakilan Pelajar, KUPU SB, Yang Mulia Awang Sodikeen Masan.

## IHYA 'EID AL-ADHA MAJLIS IBADAH KORBAN

Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan telah mengadakan sambutan Hari Raya Aidil Adha pada hari Khamis, 22 Julai 2021M bertempat di Dewan Tarbiah, KUPU SB. Hari Raya Korban adalah hari, di mana Allah Subhanahu Wata'ala akan memberikan ganjaran berlipat kali ganda kepada mereka yang mengajurkan majlis berkenaan.

Penganjuran majlis tersebut mengajar kita betapa pentingnya kerjasama dan semoga segala pekerjaan yang dilakukan akan diterima juga mendapat berkat daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Perkara itu, dijelaskan oleh Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Yang Mulia Dr Haji Adanan bin Haji Basar, dalam ucapannya selaku tetamu kehormat, pada Majlis Korban Ihya 'Eid Al-Adha, anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar KUPU SB, berlangsung di Dewan Tarbiah, kolej universiti berkenaan.

Yang Mulia Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) menyeru kepada semua untuk terus membuat kajian dan memperbanyakkan bacaan juga menyebarkan ilmu mengenai falsafah korban secara terperinci kepada masyarakat.

Dengan mengajar masyarakat mengenai pentingnya ibadah korban, jelasnya, ini akan dapat memperingati sejarah pengorbanan dan ketaatan Nabi Ibrahim 'alaihissalam dan Nabi Ismail 'alaihissalam kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Terdahulu, majlis dimulai dengan bacaan surah al-Fatihah, dipimpin oleh Mahasiswa KUPU SB, Yang Mulia Awang Muhammad Nursyazwi Zawawi bin Shahri dan diteruskan dengan bacaan zikir Asmaul Husna juga Nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, diikuti dengan takbir Hari Raya beramai-ramai, diketuai oleh Yang Mulia Ra'es KUPU SB.

Tetamu kehormat kemudian menyampaikan daging korban kepada pelajar-pelajar KUPU SB yang berhak menerima dan warga KUPU SB.

Ibadah korban merupakan suatu ibadah yang dituntut dalam Islam untuk dilaksanakan dan ia menjadi ibadah sunat muakkadah, berdasarkan firman Allah Subhanahu Wata'ala yang terjemahannya : "Oleh itu, kerjakanlah

sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban (sebagai bersyukur)". surah al-Kauthar, Ayat 2.

Adanya majlis ini akan mendekatkan diri juga taat kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan melaksanakan Sunnah Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam, memperingati sejarah pengorbanan Nabi Ibrahim 'alaihissalam dan Nabi Ismail 'alaihissalam dan meningkatkan semangat tolong-menolong juga bergotong-royong, khususnya dalam kalangan mahasiswa dan warga KUPU SB.



Tetamu kehormat menyampaikan daging korban kepada pelajar-pelajar KUPU SB yang berhak menerima dan warga KUPU SB.



Antara jemputan yang hadir.

(Petikan dari Pelita Brunei, Sabtu 24 Julai 2021. Oleh: Marlinawaty Hussin Foto: Marlinawaty Hussin )

# PERTANDINGAN TAZKIRAH DAN PERSEMBAHAN PENTAS SEMPENA ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG KE-75 TAHUN



Pemenang pertandingan Tazkirah dan Persembahan Pentas sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-75 menerima hadiah mereka pada 18 Julai 2021M. Pertandingan tersebut berlangsung di pentas perayaan di kawasan letak kereta Alat Kebesaran Diraja, Bandar Seri Begawan.

Yang Mulia Dayang Siti Nurlyana binti Abdullah telah memenangi hadiah pertama dan membawa pulang wang tunai \$100.

Naib juara dimenangi oleh Yang Mulia Awang Abdul Hadi Nasrullah bin Muhammad Ashraf @Eddy Asrul bin Asut yang memenangi wang tunai \$80 dan Yang Mulia Awang Muhammad Aqil Arfan bin Arjune di tempat ketiga yang membawa pulang wang tunai \$60.

Hadir menyampaikan hadiah ialah Pemangku Pendaftar Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Yang Mulia Awang Haji Sufri bin Kurus, selaku tetamu kehormat.

Pertandingan yang disertai enam orang peserta terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi KUPU SB itu mengetengahkan konsep keagamaan.

Selain tazkirah, turut diadakan ialah persembahan hadrah, tausyeh dan nasyid berkumpulan yang bertujuan untuk meningkatkan kecintaan terhadap raja dan negara, selain menampilkan keindahan kesenian Islam itu sendiri agar ia diminati dan berkembang luas di negara ini.



Pemangku Pendaftar KUPU SB, Yang Mulia Awang Haji Sufri bin Kurus menyampaikan hadiah kepada Yang Mulia Dayang Siti Nurlyana selaku pemenang pertama pertandingan berkenaan.

Sumber teks dan Foto: Media Permata, 19 Julai 2021M.

## ACARA VARSITY RUN/VARSITY CYCLE BERSEMPENA ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG KE-75 TAHUN

Dalam memeriahkan lagi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-75 bagi Tahun 2021M, seramai 700 orang pelajar, termasuk para pegawai kanan, pensyarah dan kakitangan daripada empat buah universiti, iaitu Universiti Brunei Darussalam (UBD); Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA); Universiti Teknologi Brunei (UTB); dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) menyertai Varsity Run 2021M, yang diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien pada hari Ahad, 25 Julai 2021M.

Sebanyak dua kategori dipertandingkan, iaitu Fun Run / Walk 2.5 kilometer (km); dan Elite Run 18.75 km.

Acara dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan sesi pemanasan badan yang dipimpin oleh Ra'es KUPU SB, Yang Mulia Dr Haji Adanan bin Haji Basar.

Bagi Kategori Elite Run, larian dilepaskan oleh Rektor UNISSA, Yang Mulia Dr Awang Haji Norarfah bin Haji Zainal, manakala bagi Kategori Fun Run / Walk dilepaskan oleh Naib Canselor UBD, Yang Mulia Datin Dr Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang

Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz dan Naib Canselor UTB, Yang Mulia Profesor Dr Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Varsity Run pada tahun ini diadakan sejauh 2.5 km, iaitu sesuai dengan semua lapisan usia. Manakala setiap institusi atau wakil-wakil berjalan sejauh 18.75 km di sepanjang laluan BandarKu Ceria.

Program amal tersebut bertujuan untuk mengumpulkan dana bagi meringankan penderitaan rakyat Palestin serta mendorong masyarakat untuk menjalani gaya hidup sihat dan aktif.

Semua hasil daripada yuran pendaftaran dan sumbangan telah disalurkan ke Tabung Kemanusiaan Palestin.

Majlis penyerahan derma untuk Tabung Kemanusiaan Palestin 2021 berjumlah BND 10,000.00 telah diadakan pada 2 Ogos 2021M bertempat di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.





# FINISH



## JERAYAWARA MENGHALUSI SOLAT MAZHAB SYAFI'I BAGI GURU-GURU SEKOLAH RENDAH, MENENGAH DAN PUSAT TINGKATAN ENAM SELURUH NEGARA

**J**erayawara ini merupakan inisiatif Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) memberikan sumbangan dan khidmat masyarakat dalam sama-sama merealisasikan hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menginginkan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang benar-benar memenuhi ciri-ciri 'Baladatun Tayyibatun Warabbun Ghafur'.

Antara objek jerayawara ini dianjurkan adalah:

- i. Bagi meningkatkan tahap kefahaman peserta mengenai kewajipan melaksanakan solat fardu lima waktu.
- ii. Untuk menunjukkan tatacara melaksanakan solat fardu yang betul dan sempurna menurut Mazhab Syafi'i.
- iii. Agar peserta boleh menghalusi segala rukun dan syarat solat fardu menurut Mazhab Syafi'i.
- iv. Untuk mengukuhkan ketakwaan peserta dengan menjaga solat fardu lima waktu dan mendirikannya secara berjemaah bersama keluarga dan masyarakat.

Jerayawara ini telah menyasarkan seramai 1800 orang peserta, yang terdiri dari pegawai dan guru seluruh negara di bawah Kementerian Pendidikan (MOE), yang tidak hanya difokuskan mengajar subjek Pengetahuan Agama Islam sahaja, bahkan juga subjek-subjek lainnya. Yang Mulia Ra'es KUPU SB sendiri telah dijemput menjadi fasilitator bagi kesemua sesi jerayawara ini. Para peserta telah dibahagikan mengikut kluster pecahan Kementerian Pendidikan.

Sesi-sesi jerayawara ini yang telah dijalankan adalah seperti perincian berikut:

**SESI 1:** Sabtu, 24 Julai 2021M bagi pegawai dan guru Kluster 2 di bawah Kementerian Pendidikan. Jerayawara berlangsung di Auditorium 1, Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

**SESI 2:** Isnin, 26 Julai 2021M bagi pegawai dan guru Kluster 3 di bawah Kementerian Pendidikan. Jerayawara juga berlangsung di Auditorium 1, Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

**SESI 3:** Khamis, 29 Julai 2021M bagi pegawai dan guru Kluster 4 di bawah Kementerian Pendidikan. Jerayawara berlangsung di Dewan Tarbiah KUPU SB.

**SESI 4:** Sabtu, 31 Julai 2021M bagi pegawai dan guru Kluster 5 di bawah Kementerian Pendidikan. Jerayawara berlangsung di Dewan Serbaguna, Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Daerah Tutong.

**SESI 5:** Rabu, 04 Ogos 2021M bagi pegawai dan guru Kluster 1 di bawah Kementerian Pendidikan. Jerayawara berlangsung di Dewan Tarbiah KUPU SB.

**SESI 6:** Ditangguhkan sehingga waktu yang dimaklumkan kemudian.

Fasilitator, Ra'es KUPU SB, Yang Mulia Dr Haji Adanan bin Haji Basar memfokuskan kepada Rukun Fi'li iaitu cara sembahyang bagi mencegah kemungkaran.

Tambahnya, mendirikan sembahyang dengan khusuk bukan saja mencegah daripada keburukan dan kemungkar dan malahan akan sentiasa dalam reda Allah. Ini kerana sembahyang merupakan waktu untuk kita berdoa dan mengadu kepada-Nya.



Antara cara-cara yang perlu diketahui dalam sembahyang ialah berdiri tegak bagi yang mampu menghadap kiblat dan memberikan sepenuh perhatian kepada ibadat sembahyang dengan ikhlas dan memohon dijauhkan daripada gangguan syaitan.



Jerayawara yang diadakan di Dewan Tarbiah, KUPU SB

Perbuatan sunat itu perlu diketahui kaedahnya dan diamalkan seperti perkara sunat diam sebentar, sunat mengangkat dua belah tangan semasa sembahyang, cara-cara berdiri tegak sambil mendakap tangan, takbiratulihram, rukuk, sujud, sunat duduk istirahah, masa mengangkat jari telunjuk semasa tahiyyat dan cara memusingkan kepala selepas selesai tahiyyat akhir. Tidak lupa mengikut sunnah Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam, iaitu memakai pakaian putih kerana ia suci, bersih dan lebih bagus.



Antara para jemputan yang hadir di jerayawara yang diadakan di Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha



Antara para jemputan yang hadir di jerayawara yang diadakan di Dewan Tarbiah, KUPU SB

## MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) ANTARA KUPU SB DAN YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH

Pada 28 September 2021M, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) telah menandatangani satu memorandum persefahaman bersama Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (Yayasan), yang dimeterai secara maya dari ibu pejabat masing-masing.

Penandatanganan MoU tersebut disempurnakan oleh Ra'es KUPU SB, Yang Mulia Dr Haji Adanan bin Haji Basar bagi mewakili KUPU SB manakala menandatangani bagi pihak Yayasan ialah Pemangku Pengarah Urusan, Yang Mulia Dr Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak.



Yang Mulia Ra'es KUPUSB menandatangani MoU tersebut.



Pemangku Pengarah Urusan Yayasan menandatangani MoU tersebut.

Yang Mulia Dr Haji Adanan dalam ucapan alu-aluannya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kesudian pihak Yayasan untuk menjadi rakan strategik KUPU SB dalam merealisasikan wawasan dan matlamat

penuhan institusi masing-masing.

“Dengan termeterainya perjanjian ini, diharap kedua-dua belah pihak akan mendapat banyak kebajikan dan beroleh keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata’ala,” jelas Dr Haji Adanan.

MoU antara KUPU SB dan Yayasan meliputi kerjasama dalam bidang pengajaran dan pembelajaran, penempatan tenaga pengajar dan pelajar, kursus-kursus latihan, pertukaran penerbitan, program kerjasama penyelidikan dan pengajaran, pembantu teknikal atau latihan serta kerjasama dalam mana-mana bidang-bidang yang bermanfaat kepada dua-dua belah pihak.

Turut hadir menyaksikan majlis penandatanganan berkenaan secara maya ialah pegawai-pegawai utama KUPU SB, penolong pengarah urusan, pegawai serta kakitangan pihak Yayasan.



Tangkap layar sekitar majlis penandatanganan MoU tersebut.

## PROGRAM MUNAJAT

Lebih 600 orang menghadiri Program Munajat, dianjurkan oleh Kolej Universiti Perguruan Ugama (KUPU SB), di bawah pengendalian Bahagian Hal Ehwal Pelajar, yang diadakan secara maya dari kediaman masing-masing.

Program ini dilancarkan pada hari Jumaat, 8 Oktober 2021M bersamaan dengan 1 Rabiulawal 1443H.

Acara keagamaan ini adalah salah satu usaha dalam sama-sama menyemarakkan aktiviti keagamaan, terutama sekali semasa pandemik ini, agar Negara Brunei Darussalam terhindar daripada wabak yang sedang melanda dan semoga wabak ini terhapus dari muka bumi.

Program ini juga diharap agar warga KUPU SB melazimkan diri untuk sentiasa berzikir dan memohon keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ra'es KUPU SB, Yang Mulia Dr Haji Adanan bin Haji Basar.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Fatiyah, diteruskan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, surah al-Kahfi, selawat Munjiyat, Zikir Istighfar dan Zikir Taubat, dipimpin oleh Pegawai Unit Kerohanian, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Yang Mulia Awang Ali Omar Saifuddien bin Haji Ali Amat.

Bacaan Doa Memohon Agar Terhindar daripada Wabak COVID-19 dan Doa Peliharakan Sultan, dipimpin oleh Yang Mulia Ra'es KUPU SB.

Yang Mulia Dr Haji Adanan dalam ucapannya, berharap agar warga KUPU SB akan sentiasa melazimkan diri dengan berzikir dan berselawat kepada Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam, ahli keluarga berserta sahabat Baginda, selain untuk selalu bersyukur juga bersabar agar mendapat taufik daripada Allah.

Beliau juga mengingatkan agar warga KUPU SB khasnya, menjalankan tanggungjawab dalam menyebarkan ajaran agama Islam dan sunnah-sunnahnya.

Tambah beliau lagi, ilmu yang didapati semuanya adalah daripada Allah dan hendaklah diamalkan semasa hidup. Pada masa yang sama, memastikan harta digunakan dengan cara dan pada jalan yang baik.

Majlis diakhiri dengan bacaan surah al-Asr beramai-ramai, dipimpin oleh Pegawai Kegiatan Luar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Yang Mulia Ampuan Muhammad Fuad bin Ampuan Babba. Majlis khas ini dihadiri oleh pegawai-pegawai utama, para pensyarah, kakitangan dan mahasiswa KUPU SB.

Program ini telah diteruskan dan dilaksanakan setiap minggu.



# WEBINAR KEBANGSAAN

## 65 TAHUN PENDIDIKAN UGAMA FORMAL

### NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### SEMPENA HARI GURU 2021



Rabu, 13 Oktober 2021M – Kolej Universiti Perguruan Ugama (KUPU SB), di bawah pengendalian Fakulti Pendidikan, telah mengadakan Webinar Kebangsaan 65 Tahun Pendidikan Ugama Formal Negara Brunei Darussalam bersempena dengan Hari Guru bagi tahun 2021M secara maya dari kediaman masing-masing yang dihadiri oleh seramai lebih 900 orang.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah dan sesi pembentangan pertama oleh Ra'es KUPU SB, Yang Mulia Dr Haji Adanan bin Haji Basar. Seterusnya bacaan surah al-Fatihah, Asma'u'l Husna, Nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan ucapan alu-aluan oleh Pengurus Majlis, Yang Mulia Dr Hajah Norwati binti Haji Abu Bakar, Timbalan Dekan Pendidikan, KUPU SB.

Di dalam ucapan alu-aluannya, Yang Mulia Dr Haji Adanan menjelaskan bahawa penganjuran Webinar ini adalah untuk berkongsi pengalaman dalam kalangan guru dan pensyarah berkaitan amalan terbaik dan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan Islam di samping memberi kefahaman kepada peserta tentang peranan pendidikan Islam dalam membangunkan pelajar dan ummah. Webinar ini juga bertujuan untuk mendedahkan kepada para pensyarah, pendidik dan pelajar akan kepentingan melakukan penyelidikan dan inovasi pendidikan Islam agar bersesuaian dengan perkembangan semasa dan norma baharu. Dalam webinar ini juga para peserta akan dapat memahami cabaran dan harapan negara terhadap pendidikan ugama formal dengan menelusuri sejarah pelaksanaan pendidikan Islam.



Yang Mulia Dr Haji Adanan bin Haji Basar, Ra'es KUPU SB semasa pembentangan pertama

Webinar Kebangsaan dirasmikan oleh tetamu kehormat majlis, Yang Mulia Awang Haji Muhammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan seterusnya melancarkan Program Nadwah Tarbiah Islamiah anjuran Fakulti Pendidikan, KUPU SB.

Yang Mulia tetamu kehormat majlis dalam ucapannya menjelaskan, guru-guru yang berdedikasi, kreatif dan inovatif akan menghasilkan pendidikan yang berkualiti kepada pelajar. Tambahan lagi ketika dunia sekarang dilanda oleh pandemik COVID-19 yang membawa perubahan kepada hidup dan aspek Pendidikan. Teknologi memainkan peranan dalam membantu keberkesanan proses pembelajaran dan pengajaran iaitu dengan menggunakan *Blended learning*.

Tambah beliau lagi, adalah menjadi satu keutamaan kepada guru-guru untuk

meningkatkan kreativiti, inovasi dan kompetensi mereka dalam pengajaran dan pembelajaran di abad ke-21. Guru-guru perlu



Tetamu kehormat majlis, Yang Mulia Awang Haji Muhammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama

bersedia dengan cabaran-cabaran baru dan harus peka akan kewujudan Revolusi 4.0. Selain itu perlu berusaha untuk memanfaatkan kemajuan teknologi dan menggunakan System Artificial Intelligence, Internet of Things (IOT) dan Robotics dalam pengajaran. Pada masa yang sama mengukuhkan pendidikan dengan nilai-nilai murni berpaksikan Melayu Islam Beraja.

Seterusnya tetamu kehormat juga menyampaikan harapan agar Webinar Kebangsaan ini akan menjadi landasan bagi para guru, pendidik, pemimpin sekolah, orang awam dan penyelidik dari pelbagai bidang pendidikan untuk bekerjasama dan mempelajari lebih mendalam lagi mengenai pengetahuan praktikal dan teori penemuan, amalan terbaik pendidikan ugama dan teknologi pendidikan yang berinovasi untuk mencapai kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran.

**Guru-guru perlu bersedia dengan cabaran-cabaran baru dan harus peka akan kewujudan Revolusi 4.0. Selain itu perlu berusaha untuk memanfaatkan kemajuan teknologi dan menggunakan System Artificial Intelligence, Internet of Things (IOT) dan Robotics dalam pengajaran. Pada masa yang sama mengukuhkan pendidikan dengan nilai-nilai murni berpaksikan Melayu Islam Beraja.**


Webinar Kebangsaan juga dihadiri oleh pembentang dari luar negara iaitu, Yang Berbahagia Datuk Dr Haji Azhar bin Haji Ahmad,

Pengarah, Bahagian Profesionalisme Guru, Kementerian Pendidikan, Malaysia dengan Tajuk Pembentangan, Kecemerlangan Pendidikan Islam: Perspektif Pembangunan Guru.

Webinar Kebangsaan diakhiri dengan Forum yang bertajuk Pendidikan Ugama Formal Negara Brunei Darussalam: Cabaran dan Harapan. Barisan ahli panel Forum terdiri daripada para Pensyarah KUPU SB iaitu, Yang Mulia Dr Haji Roslan bin Haji Untong, Dekan Fakulti Pendidikan dan Yang Mulia Profesor Madya Dr Muhammad Zahiri bin Haji Awang Mat, Profesor Madya dan Pensyarah Fakulti Pendidikan. Ahli Panel ketiga ialah Yang Mulia Ustaz Haji Shamshol bin Haji Omar, Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Webinar Kebangsaan ini diteruskan dengan Program Nadwah Tarbiah Islamiah dengan Tema Memperkasa Kecemerlangan Pendidikan Islam dalam Revolusi Industri 4.0. Program ini dikendalikan oleh Fakulti Pendidikan yang meliputi Bual Bicara Tarbiah Islamiah, Sesi Diskusi Buku, Tanyalah Murabbi, dan Bengkel Inovasi Pendidikan.

Webinar Kebangsaan 65 Tahun Pendidikan Ugama Formal Negara Brunei Darussalam juga dihadiri oleh pegawai-pegawai utama, para pensyarah, kakitangan, mahasiswa-mahasiswi KUPU SB serta para peserta dari dalam dan luar negara.



## WEBINAR PENDIDIKAN

### SIRAH RASULULLAH SALLALLAHU ‘ALAIHI WASALLAM

Dalam mendukung Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Sempena Menyambut Tahun Baru Hijrah 1434/2010 Masihi untuk membekalkan ilmu-ilmu aqidah menurut acuan ahli sunnah waljama’ah kepada pelbagai peringkat masyarakat di Negara Brunei Darussalam, Fakulti Usuluddin dengan kerjasama Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Wal jama’ah telah mengadakan Webinar Pendidikan Sirah Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam, ‘Habibi Rasulullah’ bersempena Sambutan Maulud Nabi 1443H Hijrah, dengan Tema, ‘Rasulullah Kekasih Allah, Kekasihku Dunia Akhirat.’ pada 23 Oktober 2021M.

Webinar ini bertujuan untuk memupuk kesedaran tentang kepentingan menghayati perjuangan Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam dalam menegakkan syariat dan syiar agama Islam dan memahami dan mengamalkan ajarannya dalam kehidupan sehari-hari.

Di samping itu Webinar Pendidikan ini juga bertujuan untuk mendidik para peserta supaya sentiasa istiqamah berpegang teguh kepada aliran ahli sunnah waljama’ah dan menghidupkan sunnah Baginda dalam kehidupan sehari-hari.

Webinar dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah dan doa oleh Profesor Fakulti Usuluddin, Yang Mulia Profesor Dr Ali Sayed Abdel Hameed Youseff El-Syimi, diikuti dengan bacaan Asmaul Husna serta Nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Dekan Fakulti Usuluddin, Yang Mulia Dr Norashibah binti Haji Awang Besar selaku Pengerusi Bersama Webinar, dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan, Webinar ini merupakan acara tahunan yang bertujuan untuk memupuk kesedaran tentang kepentingan menghayati perjuangan Rasulullah

“Perhatian perlu diberikan oleh semua umat Islam terhadap sumber-sumber pengambilan hadith-hadith Baginda Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam, yang disampaikan pada zaman ini, dari sebarang pemalsuan dan ciptaan dusta dari musuh-musuh Islam, selain menghayati, mengamalkan serta mengajarkan sunnah Rasulullah agar terpelihara dari azab seksaan yang berat,”

Hadith, yang dinamakan ‘Takhrij al-Hadith’, iaitu ilmu khusus untuk mengenal pasti kesahihan hadith-hadith, dari sumber rujukan yang asli dan muktabar.

Dalam penyampaian ucaptama, Ra'es KUPU SB, Yang Mulia Dr Haji Adanan bin Haji Basar menjelaskan, mengenai nasab

Sallallahu ‘alaihi wasallam, dalam menegakkan syariat dan syiar agama Islam, memahami juga mengamalkan ajarannya dalam kehidupan sehari-hari, di samping mendidik para peserta agar sentiasa istiqamah, berpegang teguh pada aliran Ahli Sunnah Waljama’ah dan menghidupkan sunnah Baginda Sallallahu ‘alaihi wasallam.

Selain mengikuti sunnah Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam, tegas Yang Mulia Dr Norashibah, adalah penting untuk mentaati segala perintah Allah Subhanahu Wata’ala dan RasulNya dan meninggalkan segala laranganNya.

“Perhatian perlu diberikan oleh semua umat Islam terhadap sumber-sumber pengambilan hadith-hadith Baginda Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam, yang disampaikan pada zaman ini, dari sebarang pemalsuan dan ciptaan dusta dari musuh-musuh Islam, selain menghayati, mengamalkan serta mengajarkan sunnah Rasulullah agar terpelihara dari azab seksaan yang berat,” tambah Yang Mulia Dr Norashibah.

Pendustaan atas nama Baginda, jelas Yang Mulia Dr Norashibah, adalah kedustaan atas nama Allah Azzawajalla yang memberi impak terhadap syariat dan seksaannya adalah lebih dahsyat.

Yang Mulia Dr Norashibah juga menyeru pihak-pihak tertentu yang berkaitan dengan bidang Pengajian Islam, terutama di peringkat pra-universiti, agar sentiasa mengambil berat dan perhatian tentang salah satu bidang Ulum

Hadith, yang dinamakan ‘Takhrij al-Hadith’, iaitu ilmu khusus untuk mengenal pasti kesahihan hadith-hadith, dari sumber rujukan yang asli dan muktabar.

Dalam penyampaian ucaptama, Ra'es KUPU SB, Yang Mulia Dr Haji Adanan bin Haji Basar menjelaskan, mengenai nasab



keturunan Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam dan menceritakan sejarah penggalian dan pembinaan telaga Zamzam.

Yang Mulia Dr Haji Adanan juga mengingatkan mengenai Sejarah Hari Keputeraan Habibi Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam dan membawakan beberapa pendapat sahih, antaranya kisah Baginda dilahirkan dalam keadaan yatim ketika masih berada di dalam kandungan ibunda Baginda, juga lahir pada Tahun Gajah atas kekuasaan Allah Subhanahu Wata’ala, pada 12 Rabiulawal.

Menurut beliau, kejadian irhasat terhadap kisah keputeraan Habibi Baginda, yang dialami oleh ibunda Baginda dan terdapat perbincangan juga ikhtilaf daripada beberapa ulama mengenainya. Dengan itu, peringatan diberikan agar semua perlu berhati-hati dengan riwayat yang diterima tanpa sumber yang belum sahih, terutama sekali yang diterima, dari aplikasi media.

Webinar diteruskan dengan pembentangan tiga kertas kerja, yang dipengerusikan oleh Yang Mulia Timbalan Dekan Fakulti Usuluddin, KUPU SB, Yang Mulia Dr Norasimah binti Haji Omar.

Pembentang pertama, Pemangku Timbalan Ra'es KUPU SB, Yang Mulia Dr Haji Abang Hadzmin bin Haji Abang Taha, membentangkan tajuk, ‘Peneguhan Pendidikan Kasih kepada Rasul’.

Manakala pembentang kedua, Penolong Kanan Profesor, Fakulti Usuluddin, Yang Mulia Dr Mikdar Rusdi pula membincangkan mengenai ‘Memperingati Maulid Nabi Muhammad

Sallallahu ‘alaihi wasallam Sebagai Platform Mengenali Habibi Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam Dari Dekat’.

Ketua Jabatan Penyelidikan, Dokumentasi dan Penerbitan Pejabat Am, Institut Ahli Sunnah Waljama‘ah, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Yang Berbahagia Dr Nur Zainatul Nadra binti Zainol sebagai pembentang ketiga pula, membincangkan mengenai penghayatan hadith Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam melalui sebaran infografik, di mana beliau turut memberi kesimpulan, bahawa semua pihak memainkan peranan dalam penyebaran hadith, dengan memberi contoh, di Malaysia, terdapat agensi yang menguruskan akan hal penyebaran agama Islam dan penyebaran hadith perlu diperluaskan, dari segi tema juga skop, iaitu dengan menggunakan infografik dengan harapan agar hadith dapat disebarluaskan secara menyeluruh kepada seluruh masyarakat.

Webinar diharap dapat membina dan memantapkan ukhuwah Islamiah di antara warga KUPU SB dan universiti luar, yang mempunyai bidang kerjasama bersama KUPU SB juga masyarakat awam secara berterusan.

Turut hadir secara maya dalam webinar tersebut ialah Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Yang Mulia Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud; wakil Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam; pegawai-pegawai kanan dan pegawai kerajaan; pensyarah-pensyarah; guru-guru; para mahasiswa pengajian tinggi; juga para peserta dari dalam dan luar negara.

Webinar ini telah dihadiri oleh lebih 700 orang peserta secara maya.

## BENGKEL ‘RECIPROCAL BORROWING SCHEME’



**S**elaras dengan kepesatan teknologi berdasarkan Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0), Perpustakaan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di Negara Brunei Darussalam telah memanfaatkan kecanggihan teknologi terkini dengan memperkasakan koleksi sumber maklumat digital dan pelbagai jenis perkhidmatan yang lebih efisien.

Sehubungan ini, Fakulti Pendidikan dan Perpustakaan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dengan kerjasama Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah mengadakan Bengkel Reciprocal Borrowing Scheme (RBS) khas untuk warga dan para pelajar KUPU SB pada 18 November 2021M secara dalam talian menerusi platform Microsoft Teams.

Bengkel berkenaan diharap akan memberikan para peserta cara untuk mengakses pangkalan data jurnal antarabangsa seperti Web of Science (WOS), Thomson Reuters, Scopus, ProQuest dan banyak lagi untuk menghasilkan penyelidikan berkualiti berdasarkan maklumat dan kaedah terkini.

Bengkel berkenaan merupakan perkongsian pengetahuan dan kemahiran bagi memudahkan tenaga akademik dan para pelajar untuk mengakses bahan rujukan secara percuma yang terdapat di Perpustakaan UBD dan IPT lain di negara ini.

Pembimbing bengkel terdiri daripada Pustakawan KUPU SB, Yang Mulia Hajah Razidah binti Haji Jamaluddin dan Pustakawan UBD, Yang Mulia Awang Muhammad Suhimi bin Mohd Salleh. Bengkel dikendalikan oleh Penolong Pensyarah Fakulti Pendidikan, KUPU SB, Yang Mulia Dayang Waznah binti Haji Mohammad Ja'afar.

Antara perkara yang disentuh adalah mengenai sistem Perpustakaan KUPU SB dan UBD, pengenalan mengenai RBS, e-Click Online Public Access Catalogue (OPAC), Openathens.net dan Reference Manager.



Bengkel Reciprocal Borrowing Scheme dibimbing oleh Yang Mulia Hajah Razidah dan Yang Mulia Awang Muhammad Suhimi.

Sumber: Media Permata, Yusrin Junaidi

## MUDAWALAH ILMIAH

**M**udawalah Ilmiah Fakulti Syariah (MIFS) adalah sebuah program bersiri separa interaktif yang mengetengahkan ceramah, perkongsian dan huraian hukum dengan tema Tafsir atau Hadith Ahkam. MIFS disiarkan secara langsung (melalui Instagram Live) dan rakaman (melalui IGTV Video) melalui akaun Instagram FS (@syariah.kupusb) secara mingguan, iaitu setiap hari Khamis jam 08.00 malam.

MIFS telah dimulakan pada 01 Rabiulawal 1443H / 07 Oktober 2021M dengan perkongsian bertajuk Taradhin Dalam Konteks Muamalat (Bahagian 1) oleh Yang Mulia Ustaz Dr Haji Noralizam bin Haji Aliakbar, Penolong Profesor, Dekan Fakulti Syariah KUPU SB.

Fakulti Syariah menjadualkan perkongsian setiap Tenaga Akademik pada setiap minggu, dengan tajuk pilihan masing-masing. Sehingga 11 Disember 2021M, siri MIFS telah bersiaran sebanyak sembilan (9) kali, seperti perincian berikut:

SIARAN & TARikh	TENAGA AKADEMIK	TAJUK
01 Rabiulawal 1443H 07 Oktober 2021M	Yang Mulia Ustaz Dr Haji Noralizam bin Haji Aliakbar	Taradhin Dalam Konteks Muamalat (Bahagian 1)
08 Rabiulawal 1443H 14 Oktober 2021M	Yang Mulia Ustaz Azman bin Haji Kassim	Menjauhi Amalan Riba
15 Rabiulawal 1443H 21 Oktober 2021M	Yang Mulia Ustaz Dr Haji Noralizam bin Haji Aliakbar	Taradhin Dalam Konteks Muamalat (Bahagian 2)
22 Rabiulawal 1443H 28 Oktober 2021M	Yang Mulia Ustaz Haji Mohd. Syahiran bin Haji Mohd. Sofian	الأمور بمقاصدها (Setiap Perkara Bergantung Kepada Niat)
07 Rabiulakhir 1443H 11 November 2021M	Yang Mulia Ustazah Pengiran Dr Hajah Norwidayawati binti Pengiran Haji Metusin	Selawat Kepada Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam
15 Rabiulawal 1443H 18 November 2021M	Yang Mulia Ustazah Adibah Husna binti Haji Ismail	Darah Wanita
22 Rabiulakhir 1443H 25 November 2021M	Yang Mulia Ustaz Dr Haji Noralizam bin Haji Aliakbar	Taradhin Dalam Konteks Muamalat (Bahagian 3)
27 Rabiulakhir 1443H 02 Disember 2021M	Yang Mulia Ustazah Hajah Aisyah Radhiah @ Rosni binti Haji Gani	Farhu-Fardu Wudhu
05 Jamadilawal 1443H 09 Disember 2021M	Yang Mulia Ustazah Waiduri binti Haji Mohammed Ali	Pengurusan Harta Pusaka Menurut Islam
12 Jamadilawal 1443H 16 Disember 2021M	Yang Mulia Ustazah Hajah Siti Juriah @ Raneya Fatehah binti Haji Japar	Undang-Undang Jenayah Islam



## BENGKEL KONGSISAMA FASILITATOR PENGUKUHAN MAQASID SYARIAH

Dalam usaha menjayakan pengukuhan Maqasid Syariah dalam pengurusan dan pentadbiran Negara Brunei Darussalam, KUPU SB telah bekerjasama dengan Unit Muraqib, Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam mengungkayahkan Bengkel Kongsisama Fasilitator Pengukuhan Maqasid Syariah.

Bengkel ini menyasarkan pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai di Kementerian Hal Ehwal Ugama sebagai peserta. Peserta yang terpilih ini merupakan calon pemudahcara yang akan menjadi nadi sumber kepada kementerian-kementerian dalam perkhidmatan awam dan perintis kunjungan dalam menganalisa tugas dan tanggungjawab setiap kementerian selaras dengan prinsip Maqasid Syariah.

Bengkel ini telah dijalankan setiap hari Sabtu selama empat (4) jam, bermula 08.00 pagi sehingga 12.00 tengah hari melalui platform Microsoft Teams. Para peserta telah dibahagikan kepada tiga (3) kumpulan dan setiap kumpulan telah menjalani bengkel selama dua (2) sesi. Kumpulan satu pada 6 dan 13 November 2021M, dan kumpulan dua pada 20 dan 17 November 2021M serta kumpulan tiga pada 4 dan 11 Disember 2021M.

Fasilitator bagi bengkel ini ialah Yang Mulia Ustaz Dr Haji Noralizam bin Haji Aliakbar, Penolong Profesor, Dekan Fakulti Syariah.

## PROGRAM TADABUR AL-QURAN WAL HADITH DAN KITAB TURATH

Pada 10 dan 17 Julai 2021M, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Fakulti Usuluddin telah menjalankan program Dakwah melalui Tadabur al-Quran wal Hadith dan Pengajian Kitab Turath ke seluruh masjid-masjid di Negara Brunei Darussalam.

Program ini diadakan sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-75 Tahun. Program ini disasarkan kepada seluruh para belia, mualaf, dan jemaah masjid secara khasnya dan seluruh penduduk secara amnya.



Seterusnya program ini dilaratkan lagi secara mingguan mulai 18 September hingga 30 Oktober 2021M sempena Sambutan Awal Tahun Hijrah dengan menyasarkan masyarakat awam umumnya.

Program ini bertujuan untuk memperluaskan sasaran dakwah ke seluruh negara melalui masjid-masjid.

Selain itu juga, ia juga bertujuan untuk menyebarluaskan tadabur al-Quran dan pengajian Kitab Turath dalam kalangan masyarakat awam di Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu juga, dengan adanya program ini, ia dapat mengimarahkan masjid-masjid di Negara Brunei Darussalam serta dapat mendedahkan masyarakat dengan tadabur al-Quran dan Kitab-kitab Turath sebagai rujukan kehidupan seharian.

Program ini juga dilaksanakan menerusi platform media sosial seperti instagram dan facebook.

## TAKLIMAT KHAS MENJURUS KEPADА PENERAPAN IMAN DAN AMANAH

KUPU SB melalui Fakulti Usuluddin telah mengadakan taklimat khas menjurus kepada penerapan iman dan amanah di kalangan pegawai dan kakitangan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya pada 11 September 2021M dan 2 Oktober 2021M.

Taklimat ini dijalankan secara maya. Antara objektif taklimat ini ialah memberikan kefahaman mengenai pengertian iman dan amanah dalam dunia kerja; dan memberi kesedaran akan pentingnya memiliki iman dan amanah dalam menjalankan tugas sebagai kakitangan kerajaan; serta menyebarluaskan pendidikan iman dan amanah dalam masyarakat.

## JAULAH FIQH AL-USRAH

**M**asyarakat perlu peka dan mengetahui peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam menangani krisis rumahtangga, keruntuhan keluarga, pengabaian tanggungjawab dan sebagainya. Di Negara Brunei Darussalam terdapat undang-undang berkaitan keluarga iaitu Undang-Undang Keluarga Islam. Kesedaran mengenai kepentingan institusi keluarga dapat menghalang perkara negatif atau dharar syarie' mengikut hukum syarak berlaku dalam keluarga.

Sesuai dengan peranan penubuhan Pusat Kajian Fiqh al-Usrah, pusat ini telah mengadakan program Jaulah Fiqh al-Usrah untuk memberi pencerahan dan bimbingan dalam mencalak keluarga yang sakinah, mawaddah dan rahmah.

Jaulah Fiqh al-Usrah diadakan secara berjadual dalam bentuk ceramah di masjid-masjid terpilih di seluruh negara. Ianya diharap akan menjadi medan pencerahan dan penyebaran ilmu berkaitan dengan kekeluargaan dari aspek pendidikan, undang-undang, bimbingan dan kaunseling, psikologi, sosiologi dan tanggungjawab individu dalam keluarga dan masyarakat dengan menekankan Tarbiah Islamiah sebagai asas dan pegangan hidup.

Program ini telah dilaksanakan secara dalam talian mulai bulan September hingga November 2021M oleh Pusat Kajian Fiqh al-Usrah dengan bertemakan Isu-isu Pendidikan

Kekeluargaan Islam dan Mencalak Keluarga zikir.

Antara objektif program ini ialah:

- Memberikan penjelasan tentang ilmu keibubapaan dan pendidikan kekeluargaan dalam konteks MIB dan Negara Zikir.
- Mengetengahkan pengetahuan berkaitan dengan peranan setiap warga terhadap pendidikan kekeluargaan, undang-undang keluarga dan cabaran dalam era Teknologi Maklumat (IT).
- Menjalin kerjasama dan hubungan baik antara Pusat Kajian Fiqh al-Usrah KUPU SB dengan pihak-pihak yang berkepentingan dan masyarakat.
- Memupuk kerjasama yang erat antara Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dengan kementerian-kementerian, jabatan-jabatan, institusi pengajian tinggi dan sekolah-sekolah di seluruh negara.

Diharap dengan adanya wacana ilmiah seperti ini akan dapat menyumbang kepada keharmonian kehidupan berkeluarga melalui penyebaran maklumat dan Tarbiah kepada masyarakat khususnya di Negara Brunei Darussalam.



Di antara poster pemberitaan bagi jaulah tersebut.




بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ



جامعة سري بگاون للتربية الدينية  
KOLEJ  
UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN  
SERI BEGAWAN RELIGIOUS TEACHERS UNIVERSITY  
COLLEGE

## PANDUAN PEMBELIAN BUKU TERBITAN KUPU SB

MENGGUNAKAN KAEADAH E-PEMBAYARAN PERBANKAN DIGITAL (BIBD NEXGEN WALLET )



**Step 1:**

Login to BIBD NEXGEN Wallet and select  
Payment Services / Donations

**Step 2:**

Select Bill Payment

**Step 3:**

Select Transfer from account

**Step 4:**

Select All Payee - KUPU SB

**Step 5:**

Bill/Reference No.1, key in I.C Number /  
Student ID

**Step 6:**

Reference No.2, key in Full name / Company  
Name / Vendor

**Step 7:**

Reference No.3, key in Fee Detail Code  
PBK | Pembelian Buku

**Step 8:**

Key in amount to be paid

**Step 9:**

Select Next to complete your transaction

**Note:**

BIBD NEXGEN Wallet v3.9.4



katalog buku

*Pesan tempahan buku boleh dikirimkan melalui emel  
[pusat.penerbitan@kupu-sb.edu.bn](mailto:pusat.penerbitan@kupu-sb.edu.bn) dan pembayaran  
boleh dibuat selepas pengesahan tempahan diterima.*

**Waktu Pengambilan Buku:  
Isnin hingga Khamis dan Sabtu  
8.15 pagi hingga 12.15 tengah hari**





فَنْدِيْدِيْقِنْ كَلْوَارْ كَاعِنْ  
مِنْجَانْ كَيْنَرْ اسِيْ بِرْ وَاُسِنْ  
PENDIDIKAN KEKELUARGAAN  
MENJANA GENERASI BERWAWASAN

PROSIDING SEMINAR ANTARABANGSA FIQH AL-USRAH 2017

Jilid 1

Penulis:  
Mohammad Muslihuddin Syah Mustafa

### PENDIDIKAN KEKELUARGAAN MENJANA GENERASI BERWAWASAN JILID I

Penulis: Mohammad Muslihuddin Syah  
Mustafa

Bahasa: Bahasa Melayu & Bahasa Inggeris  
Harga: \$15.00



مودول اساس كماهيرن  
تجوييد القراءان

أحمد يونس قاسم  
منان عثمان

### MODUL ASAS KEMAHIRAN TAJWID AL-QURAN

Penulis: Ahmad Yunus Kasim & Manan  
Osman

Bahasa: Bahasa Melayu  
Harga: \$10.00



كونسيپ ثقاڤة دان ايمقلیمیتاسی دالم  
کرڠک فنديديقن مشارکت اسلام  
دری ڦرسفيکتيف مالک بن نبی

Konsep Thaqafah dan Implementasi  
Dalam Kerangka Pendidikan  
Masyarakat Islam  
Dari Perspektif Malek Bennabi

Muhammad Zahiri Awang Mat

ایتیکا ککوروان دان ڦونتوت علمو  
منروت امام النوری:  
کاجین خصوص  
تیک بن أدب العالم والمتعلم

**Etika Keguruan dan Penuntut Ilmu  
Menurut Imam Al-Nawawi:**  
**Kajian Khusus**  
**Teks Adab Al-Alim Wa Al-Muta'allim**

Muhammad Zahiri Awang Mat

SIRI MONOGRAF PENDIDIKAN ISLAM \* Bilangan 14

### ETIKA KEGURUAN DAN PENUNTUT ILMU MENURUT IMAM AL-NAWAWI MONOGRAF BILANGAN 14

Penulis: Muhammad Zahiri Awang Mat  
Bahasa: Bahasa Melayu  
Harga: \$3.00

### KONSEP THAQAFAH DAN IMPLEMENTASI DALAM KERANGKA PENDIDIKAN MASYARAKAT ISLAM MONOGRAF BILANGAN 15

Penulis: Muhammad Zahiri Awang Mat  
Bahasa: Bahasa Melayu  
Harga: \$3.00